

NO. SOALAN: 38

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID**

TARIKH : 21 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9486

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan lambakan pekerja asing
yang tidak dikawal dalam sektor golf club.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Kuala Langat ke atas keprihatinan beliau berhubung isu lambakan pekerja asing dalam sub-sektor golf. Untuk makluman, dasar semasa penggajian pekerja asing hanya membenarkan pengambilan jawatan kedi sahaja dalam sub sektor golf dan di kawal selia oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Selain itu, dasar semasa juga tidak membenarkan pengambilan kedi wanita untuk bekerja dalam sub sektor golf.

Kementerian amat mengalu-alukan maklumat lokasi yang terperinci atau laporan kepada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk tindakan penguatkuasaan sekiranya disyaki terdapat sebarang pelanggaran. Mana-mana pekerja asing yang bekerja secara tidak sah boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Imigresen 1959/1963 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 dan boleh ditamatkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS). Majikan yang menggajikan pekerja asing secara tidak sah juga boleh dikenakan tindakan di bawah akta yang sama.